

# Utara perlu sikap: Maha

Daripada Razali Yahaya

JAKARTA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masa depan hubungan Utara-Selatan tidak akan bertambah baik dan berterusan seperti sekarang selagi jurang pemikiran yang wujud gagal dihapuskan.

Menurut Perdana Menteri, negara yang kuat dan kaya (Utara) tidak menunjukkan tanda-tanda mengubah sikap mereka sebaliknya masih mengenakan tekanan kolonialisme dalam bentuk dan nama yang lain.

Bagaimanapun, katanya, walaupun Selatan masih lemah dan miskin, mereka tidak sekali-kali akan kembali merendahkan diri seperti dahulu malah kemungkinan kemarahan lama masih wujud.

"Ketika penjajahan, kebanyakan di Utara beranggapan bahawa kolonialisme adalah salah tetapi mereka berdiam diri dan tidak dapat berbuat apa-apa kerana dibelakangkan oleh penjajah.

"Oleh itu, saya ingin mengemukakan masalah dalam masa depan hubungan Utara-Selatan. Saya berpendapat, jawapannya tidak begitu baik. Ini kerana, kebanyakan janji-janji asas belum lagi ditunaikan.

"Di samping itu, kita percaya Selatan sendiri menghadapi masalah dan berterusan terabura di sebalik perjuangan demokrasinya dan pelbagai kesulitan dalam pasaran bebas," katanya ketika berucap di Persidangan Antarabangsa Mengenai Pembangunan

Sumber Manusia di sini, hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, sebaik sahaja kehilangan kuasa penjajahan, Utara mulai mengukuhkan kedudukan dengan menubuhkan blok perdagangan dan sekatan-sekatan yang bertujuan melindungi mereka.

"Sebagai contoh, Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Ia ditubuhkan tanpa memberi peluang Selatan mewujudkan hubungan dengan negara lain sebaliknya terpaksa menghadapi blok yang dianggotai negara kaya.

"Selatan kekal dipecah-pecahkan seperti sebelumnya. Harga komoditi daripada Selatan dimanipulasikan dengan mudah manakala harga barangan dari Eropah terus meningkat.

"Walaupun Amerika Syarikat tidak menyertai EEC tetapi ia sudah kaya seperti benua itu. Dia boleh mengenakan tekanan dan sekatan perdagangan yang sama tanpa bantuan Eropah," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, Asia Tenggara bernasib baik apabila Jepun membantu pembangunan negara itu melalui pelaburannya di samping menyediakan pasaran yang baik bagi proses industrialisasinya.

"Sebagai contoh, Malaysia mungkin tidak menjadi seperti hari ini tanpa pelaburan Jepun. Malaysia kini bukan sahaja pusat pelaburan Jepun malah pasaran bagi barangan dan perkhidmatannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas beberapa dekad, kini bukan sahaja Jepun malah Negara Perindustrian Baru (NIC) turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kekayaan di mana-mana sahaja di Selatan.

"Pengajaran ialah cara terbaik bagi Utara membaiki ekonominya dan membina kekayaan ialah melabur di Selatan. Pada masa yang sama, janganlah mengenakan tekanan sosial atau sekatan import terhadap Utara.

"Keadaan akan bertambah buruk jika mereka yang miskin di Selatan terpaksa berhijrah ke Utara. Bayangkan, berjuta-juta penduduk Utara berpindah ke Selatan bagi menyelamatkan diri dari kemiskinan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, adalah benar bahawa pembangunan pesat yang berasaskan kos buruh yang murah di Selatan boleh bertukar menjadi ancaman kepada Utara.

"Ini boleh menyebabkan Selatan menolak barangan keluaran Utara. Bagaimanapun, harus diingat Utara terlalu maju dalam teknologi dan kaya dengan modal berbanding Utara.

"Sebagai contoh, Selatan masih jauh ketinggalan dalam industri penerbangan, telekomunikasi dan komputer. Utara boleh berterusan mengeksploitasi industri dalam sektor ini.

"Oleh itu, biarlah Selatan bebas menghasilkan barangan bertekno-

LIHAT MUKA 2

## Utara perlu ubah sikap: PM

DARI MUKA 1

logi rendah bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi dan menyediakan kemudahan pendidikan dan sara hidup rakyatnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada masa yang sama, Utara tidak wajar mengenakan tekanan terhadap Selatan supaya mengurangkan jumlah penduduknya semata-mata atas alasan kemiskinan.

"Cara terbaik memperlahankan pertumbuhan penduduk ialah menyediakan peluang pendidikan dan pembangunan. Sebagai contoh, penduduk di bandar tidak mampu mempunyai anak ramai walaupun berpendapatan besar.

"Kadar kelahiran yang tinggi bukan disengajakan di negara miskin. Bagaimanapun, harus diingat anak yang ramai menjadi aset kepada orang yang tidak mempunyai harta lainnya," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir dan Presiden Suharto mengadakan pertemuan empat mata di Istana Merdeka, di sini pada sebelah pagi.

Dalam pertemuan hampir sejam itu, kedua-dua pemimpin bertukar pendapat mengenai hubungan dua hala yang menguntungkan Malaysia dan Indonesia, khususnya di segi ekonomi, perdagangan termasuk isu Pulau Sipadan dan Ligitan.

Pada masa yang sama, menteri-menteri kanan dan delegasi kedua-dua negara mengadakan perbincangan di majlis berasingan.